

13 AUG 1997

MAHATHIR LAWAT SABAH SABTU DAN AHAD INI

KOTA KINABALU, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Sabah selama dua hari bermula Sabtu ini.

Semasa lawatan itu beliau akan merasmikan Konvensyen Umno Negeri di sini pada Ahad dan meninjau kawasan Hutan Simpan Deramakot di Sandakan yang mengamalkan sistem penebangan balak yang hanya mengakibatkan gangguan minimum kepada tumbuhan lain dan tanah.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan, Dr Mahathir akan diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan dijadual tiba dengan pesawat khas dari Kuala Lumpur di lapangan terbang Sandakan pada tengah hari Sabtu.

Beliau kemudian akan berangkat dengan helikopter ke Deramakot dan menghadiri majlis makan malam Barisan Nasional di Sandakan.

Pada Ahad, Perdana Menteri akan merasmikan Konvensyen Umno pada sebelah pagi dan selepas itu mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin BN Negeri.

Pada tengah hari beliau akan merasmikan Hotel Promenade di sini sebelum ke majlis penutupan Kejohanan Badminton Piala Perdana 1997 di Kompleks Sukan Likas di sini.

Pada sebelah malamnya Dr Mahathir akan menghadiri majlis makan "Malam Perdana" sempena kejohanan badminton berkenaan di bangunan Dewan Undangan Negeri di Likas.

Perdana Menteri dan isteri dijadual berlepas dengan pesawat khas ke Kuching, Sarawak pada pagi Isnin. -- BERNAMA

KG RON